



Ruj. Kami : KUDR/KACP/A/05/25/0535 ( 03 )  
Tarikh : 4 Disember 2025

**Apex Communication Sdn. Bhd.**  
12<sup>th</sup> Floor, Menara Hap Seng,  
Jalan P. Ramlee,  
50250 Kuala Lumpur,  
Wilayah Persekutuan.  
(u.p.: Puan Mazni Binti Omar)

Tuan,

**PROJEK / KERJA : PROJEK PENYEDIAAN POINT OF PRESENCE (POP) FASA 2 HAB INFRASTRUKTUR GENTIAN OPTIK BERHAMPIRAN DENGAN SEKOLAH, PREMIS KERAJAAN DAN KOMUNITI SEKITARNYA OLEH KEMENTERIAN KOMUNIKASI (ZON UTARA – PERAK & KEDAH) SERAHAN DOKUMEN LENGKAP BAGI PERMOHONAN KELULUSAN IZIN LALU ABA3015 - SEKOLAH KEBANGSAAN TELOK PIAL**

**PERKARA : MAKLUMBALAS ULASAN PEMILIKAN TANAH**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas dan surat Pejabat Daerah dan Tanah Kerian No. Rujukan: Bil. (2) dlm. PTK(A)03/02/2018 SJ. 8 bertarikh 25 Ogos 2025 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa berdasarkan semakan, pihak Pejabat Daerah dan Tanah Kerian **tiada halangan secara prinsipnya** bagi permohonan tersebut, dengan syarat – syarat berikut mestilah dipatuhi :

Bil.	Perkara
i.	Cadangan laluan di atas tanah kerajaan sahaja, serta disahkan oleh Jurukur Tanah Berlesen.
ii.	Pemohon wajib mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Kerja Raya (JKR), Jalan Pejabat Daerah Kerian yang melalui tanah – tanah milik dan simpanan.
iii.	<b>Sekiranya cadangan laluan melibatkan tanah milik individu atau syarikat persendirian, pemohon mestilah mendapatkan persetujuan oleh tuan tanah terlebih dahulu bagi mengelakkan isu-isu berbangkit pada masa akan datang.</b>
iv.	Pemohon perlu bertanggungjawab sepenuhnya atas semua urusan perundangan, semua risiko kerja-kerja berkaitan, serta sebarang kemungkinan risiko pada masa hadapan. Harus memastikan kebersihan ditapak dan tidak menyebabkan kerosakan diatas jalan sediada. Jika terdapat sebarang kerosakan pihak pemohon bertanggungjawab bagi membaikpulih kerosakan tersebut.
v.	Mematuhi sepenuhnya semua perundangan yang berkuatkuasa.





Ruj. Kami : KUDR/KACP/A/05/25/0535 (23)  
Tarikh : 4 Disember 2025

**PROJEK / KERJA : PROJEK PENYEDIAAN POINT OF PRESENCE (POP) FASA 2 HAB INFRASTRUKTUR GENTIAN OPTIK BERHAMPIRAN DENGAN SEKOLAH, PREMIS KERAJAAN DAN KOMUNITI SEKITARNYA OLEH KEMENTERIAN KOMUNIKASI (ZON UTARA – PERAK & KEDAH) SERAHAN DOKUMEN LENGKAP BAGI PERMOHONAN KELULUSAN IZIN LALU ABA3015 - SEKOLAH KEBANGSAAN TELOK PIAL**

**PERKARA : MAKLUMBALAS ULASAN PEMILIKAN TANAH**

3. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami, **Encik Muhammad Habil Bin Muhammad Razali** di talian **010-2439402** untuk keterangan lanjut. Kerjasama daripada pihak Tuan/Puan saya dahulukan dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

(**HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH**)

Pengurus Koridor Negeri

**Koridor Utiliti Darul Ridzuan**

OSA/03122025/Wah/Habil

salinan kepada:

**1. PEGAWAI DEARAH**

Pejabat Daerah dan Tanah Kerian,  
34200 Parit Buntar,  
Perak Darul Ridzuan.  
(u.p.: Unit Pembangunan Luar Bandar)

**2. PENGARAH TANAH DAN GALIAN**

Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Perak  
Bangunan Sri Perak Darul Ridzuan,  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,  
30100 Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan.

